

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN RUSNAH BINTI ALUAI [ TANGGA BATU ]

TARIKH : 13 OGOS 2020 (KHAMIS)

SOALAN

PUAN RUSNAH BINTI ALUAI [ TANGGA BATU ] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah jangka masa yang ditetapkan bagi rakyat untuk mendapat perkhidmatan yang lebih efisien dari Hospital Besar Melaka terutamanya merujuk kepada sistem pendaftaran dan rekod pesakit yang masih dikendalikan secara manual.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Kesihatan Malaysia sentiasa komited dalam memberikan perkhidmatan kesihatan yang lebih efisien kepada rakyat Malaysia termasuk di Negeri Melaka. Langkah-langkah untuk meningkatkan efisiensi dilaksanakan secara berfasa dan mengikut keutamaan. Antara langkah-langkah yang diambil oleh KKM untuk memberikan perkhidmatan yang lebih efisien adalah:

- a) Pelaksanaan **Hospital Kluster** sejak 2014. Melalui Hospital Kluster, hospital daerah dan penduduk sekitarnya akan mendapat khidmat kepakaran secara terus dan berkala melalui perkhidmatan kepakaran yang disepadukan dan dikordinasikan dengan lebih bersistematik. Dengan inisiatif ini kesesakan diwad dapat dikurangkan.

- b) Melalui pendekatan ***staggered clinic appointment*** (**temujanji berfasa**) pesakit hadir pada masa yang telah ditetapkan. Dengan cara ini kesesakan di klinik dapat dikurangkan kerana pesakit datang pada waktu yang ditetapkan sahaja.
- c) Mengaplikasikan **Lean Healthcare** dalam proses rawatan pesakit di Zon Hijau Jabatan Kecemasan, dan juga proses kemasukan serta discaj pesakit di wad. Proses kemasukan dan discaj akan menjadi lebih efisien termasuk pengurusan katil yang lebih efektif bagi mengurangkan kesesakan di wad selain mempercepat tempoh menunggu katil bagi pesakit yang memerlukan rawatan pesakit dalam. Contoh inisiatif dalam Lean Healthcare adalah:
- i. Penubuhan ***Bed Management Unit (BMU)*** untuk kemasukan pesakit elektif serta memastikan pesakit-pesakit yang memerlukan katil dapat diutamakan dengan cepat.
  - ii. Projek rintis ***Multi-Disciplinary Short Stay Unit*** untuk pesakit yang memerlukan rawatan sehingga 72 jam. Ini akan membolehkan rawatan awal diberikan kepada pesakit dan mengurangkan masa menunggu pesakit untuk masuk wad.

**Tuan Yang di-Pertua,**

2. Bagi Hospital Melaka, buat masa ini sistem pendaftaran adalah secara manual. Sistem ini akan dinaiktaraf kepada sistem IT setelah bekalan elektrik di Hospital tersebut dipertingkatkan. Projek naik taraf sistem bekalan elektrik di Hospital Melaka sedang berjalan dan dijangka siap pada tahun 2022. Pencarian Rekod Perubatan Pesakit bagi temujanji di klinik pakar disediakan dalam tempoh 3 hari sebelum tarikh temujanji dan telah mencapai 98.29% bagi tahun 2019 iaitu melebihi 95% standard yang telah ditetapkan. Sekian, terima kasih.